

Para Pelanggan yang Dihargai,

Prudential Malaysia kekal komited untuk memberikan perkhidmatan perlindungan dan keperluan pengurusan kewangan jangka masa panjang kepada para pelanggan.

Dengan mengambil kira perubahan pilihan pelanggan, terutamanya terhadap pendigitalan dan penggunaan teknologi, kami sentiasa meneliti penambahbaikan untuk memenuhi keperluan anda. Kami kini memberikan perkhidmatan secara inovatif melalui beberapa saluran, dengan perkhidmatan terbaharu kami iaitu PruBSN Touch yang membolehkan anda mengakses sijil anda.

Atas sokongan kami terhadap para pelanggan yang memilih perkhidmatan melalui saluran alternative, kami akan memusatkan pusat pelanggan kami di kawasan Petaling Jaya hingga ke Damansara Intan dan Damen, dengan menamatkan pusat pelanggan kami di PJ33, Taman SEA, Phileo Damansara dan Puchong, bermula dari 8 November 2021.

Pusat pelanggan lain yang di seluruh negara akan dibuka dan terus berkhidmat untuk anda.

Anda juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 603 2775 7188 (dibuka pada hari Isnin-Jumaat, 8.30am - 5.15pm, tidak termasuk Cuti Umum) untuk sebarang bantuan.

Sebagai alternatif, kami menggalakkan anda untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian kami. Anda boleh:

- Akses maklumat sijil anda menerusi [PruBSN Touch](#).
- Buat pembayaran sumbangan menerusi [Payment Gateway](#), [PruBSN Touch](#) atau mana-mana perkhidmatan perbankan atas talian pilihan anda
- Hantar tuntutan dan permohonan perkhidmatan secara atas talian melalui ejen takaful anda

Kami kekal fokus untuk memenuhi keperluan para pelanggan kami dan menyediakan penjagaan dan perkhidmatan bermutu tinggi untuk anda.